

10/06/2001

Mata wang khas bendung serangan penyangak

KUALA LUMPUR: Penggunaan satu mata wang khas seperti yang disarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mampu membendung serangan spekulator terhadap mata wang negara miskin dan membangun.

Beberapa ahli ekonomi berpendapat, negara di rantau Asia Tenggara boleh mengambil inisiatif memperkenalkan sistem satu mata wang itu melalui kesepakatan gagasan Asean.

Ahli Lembaga Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata penggunaan satu mata wang antarabangsa memerlukan komitmen dan kerjasama padu semua negara.

Sambil menyifatkan idea Dr Mahathir sebagai bernas, Navaratnam berkata cadangan itu mungkin tidak dipersetujui Amerika Syarikat kerana selama ini kuasa besar itu mendominasi mata wang dunia.

"Sesungguhnya idea ini memerlukan satu penyelidikan yang teliti bagaimana ia harus dilaksanakan dengan berkesan dan berjaya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau diminta mengulas syor Perdana Menteri mengenai pembentukan satu mata wang antarabangsa yang bukan dimiliki sesebuah negara dan boleh digunakan bagi pembayaran semua perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri menyarankan demikian ketika menyampaikan ucap tamanya bertajuk "Melangkaui Globalisme dan Globalisasi" pada Persidangan Antarabangsa Nikkei Ketujuh bagi Masa Depan Asia di Tokyo, kelmarin.

Navaratnam berkata, faedah jangka panjang hasil penggunaan satu mata wang boleh menyaksikan sistem ekonomi dan perdagangan dunia menjadi lebih telus, adil dan teratur.

"Jika ini terhasil dengan sendirinya ia mampu mengelak krisis kewangan seperti berlaku di rantau ini dulu kerana ia mengekang sebarang bentuk spekulasi dan manipulasi perdagangan mata wang. Perdagangan dunia akan lebih sejahtera dan berdisiplin," katanya.

Pensyarah Jabatan Kewangan Fakulti Pengurusan Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Othman Yong, pula berkata jika negara Eropah sudah mempunyai mata wang euro bagi sistem perdagangannya, mengapa tidak negara Asia turut mengikut langkah sama.

(END)